



**E-WASTE =
E-WOW?**

**NILAI SEMULA APA YANG KITA ANGGAP
SAMPAH**



APA ITU E-WASTE = E-WOW?



e-Waste = Electronic Waste, merujuk kepada semua barangan elektronik yang dibuang atau tidak lagi digunakan termasuk telefon pintar lama, komputer rosak, televisyen usang, bateri, pengecas dan perkakas rumah elektronik. Ia mengandungi pelbagai komponen logam berat dan bahan kimia berbahaya, yang jika tidak diurus dengan betul, boleh mencemarkan alam sekitar dan membahayakan kesihatan manusia.

e-Waste = e-Wow!

- Mengandungi logam bernilai seperti emas, perak, tembaga.
- Berpotensi dikitar semula dan jana pendapatan.
- Memberi peluang inovasi hijau dan ekonomi kitaran.



FAEDAH E-WASTE = E-WOW?

PULIH SEMULA SUMBER BERHARGA

– E-waste mengandungi logam berharga seperti emas, perak, kuprum dan platinum yang boleh dikitar semula.

LINDUNGI ALAM SEKITAR

– Mengurangkan risiko pencemaran tanah, air dan udara akibat pelupusan tidak terkawal.

MENJANA PELUANG EKONOMI

– Industri kitar semula e-waste boleh membuka peluang pekerjaan dan perniagaan baharu.



FAEDAH E-WASTE = E-WOW?

KURANGKAN PERMINTAAN PERLOMBONGAN BAHARU

– Kitar semula logam dari e-waste kurangkan keperluan melombong sumber asli yang merosakkan alam.

TINGKATAN KESEDARAN & GAYA HIDUP LESTARI

– Mendidik masyarakat untuk lebih bertanggungjawab terhadap penggunaan dan pelupusan peranti elektronik.



IMPLIKASI JIKA E-WASTE TIDAK DIURUS



PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Logam berat dan bahan toksik dari e-Waste boleh bocor ke tanah dan sungai, mencemarkan alam sekitar.

PEMBAKARAN TIDAK TERKAWAL

Boleh menghasilkan asap toksik (dioksin) yang membahayakan kesihatan dan pencemaran udara.

KESAN KESIHATAN SERIUS

Boleh menyebabkan kerosakan sistem saraf, pernafasan, buah pinggang dan risiko kanser.

GANGGUAN EKOSISTEM AKUATIK

Hidupan air terjejas akibat toksin, lalu menjejaskan rantai makanan manusia.



PERANAN ANDA DALAM KEMPEN E-WASTE



- ✓ Jangan buang barang elektronik di tong sampah biasa
- ✓ Serahkan peranti rosak ke pusat pengumpulan e-Waste yang sah
- ✓ Sebarkan kesedaran kepada keluarga dan rakan
- ✓ Amalkan prinsip 3R: Reduce, Reuse, Recycle



KESIMPULAN



Kesimpulannya, kempen ini memberi kesedaran bahawa e-Waste bukan sekadar sampah, tetapi mengandungi bahan bernilai seperti logam yang boleh dikitar semula. Melalui tema “e-Waste = e-Wow? Nilai Semula Apa Yang Kita Anggap Sampah”, kita diajak untuk melihat potensi dalam sisa elektronik dan mula bertindak – mengasingkan, mengitar semula dan menyokong amalan yang lebih mesra alam demi masa depan yang lestari.

